مجليس دأيره برا

MAJLIS DAERAH BERA

28200 BANDAR BERA, PAHANG DARUL MAKMUR

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

JAWATAN & GRED	**PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U41/U42**
KEKOSONGAN / TARAF JAWATAN	**1 KEKOSONGAN / TETAP**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	PERUBATAN DAN KESIHATAN

1. JADUAL GAJI
   Minimum : RM2,429.00
   Maksimum : RM9,656.00

   a) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM225.00

   b) i. Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : RM300.00
      ii. Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : RM300.00
      iii. Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM150.00

2. SYARAT LANTIKAN

2.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

a) Warganegara Malaysia;

b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

c) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan pada Gred U41 : RM2,429.00]

2.2 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. KENAIKAN PANGKAT KE GRED U42

3.1 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 atau Gred U32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U42 tertakluk kepada kekosongan jawatan, dan;

a) Mempunyai kelayakan di perenggan 2.1 (c) ;

b) Telah disahkan dalam perkhidmatan;

c) Memperoleh purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% bagi tiga (3) tahun terkini;

d) Diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;

e) Bebas daripada hukuman tatatertib;

f) Telah mengisytiharkan harta;

g) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);

h) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan

i) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 atau Gred U32 (termasuk perkhidmatan kontrak di jawatan dan gred yang sama)

3.2 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U42 tertakluk kepada kekosongan jawatan, dan;

a) Memperoleh purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% bagi tiga (3) tahun terkini;

b) Diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;

c) Bebas daripada hukuman tatatertib;

d) Telah mengisytiharkan harta;

e) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);

f) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan

g) Berkhidmat sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U36.